Adalah bermaksud ketidakupayaan yang disebabkan oleh semata-mata, secara langsung dan bebas dari sebab lain kecuali disebabkan oleh **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh berlakunya **kemalangan** dan ianya membataskan **Orang Yang Dilindungi** dari melakukan sebahagian besar daripada pekerjaan, kerjaya atau perniagaannya.

Hilang Upaya Keseluruhan Sementara

Adalah bermaksud ketidakupayaan yang disebabkan oleh semata-mata, secara langsung dan bebas dari sebab lain kecuali disebabkan oleh **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh berlakunya **kemalangan** dan ianya membataskan **Orang Yang Dilindungi** dari melakukan kesemua daripada pekerjaan, kerjaya atau perniagaannya.

Kami

Adalah merujuk kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

Peperangan

Adalah bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang maksud, atau konflik bersenjata kuasa berdaulat, atau sebarang permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau keadaan bangsa-bangsa di antara mereka terdapat gangguan hubungan yang aman dan perdebatan umum dengan kekerasan, kedua-dua kuasa, melalui kuasa berdaulat.

JENIS PERLINDUNGAN

Manfaat A – Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut yang mengakibatkan kematian dan ketidakupayaan seperti yang terdapat dalam Jadual Manfaat, **Kami** akan membayar suatu nilai pampasan mengikut peratusan-peratusan daripada jumlah perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

Jadual Manfaat

Keterangan Mengenai Jenis-Jenis Ketidakupayaan

Peratusan Nilai Perlindungan

Hilang anggota badan (kedua-dua belah kaki)

Hilang kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua belah ibu jari tangan

Lumpuh Sepenuhnya

Gila Sepenuhnya

Kecederaan yang menyebabkan pesakit akan terlantar kekal di katil

Sebarang kecederaan yang mengakibatkan **Hilang Upaya Kekal**

100%

Hilang tangan di paras bahu

Hilang tangan diparas antara bahu dan siku

Hilang tangan diparas siku

Hilang tangan diparas antara siku dan pergelangan tangan

Hilang tangan diparas pergelangan tangan

Hilang kaki

Diparas pinggul

100%

Diantara lutut dan pinggul

100%

Di bawah lutut

100%

Mata : Hilang

Keseluruhan mata

100%

Penglihatan

100%

Penglihatan, kecuali persepsi mata

50%

Kanta mata

50%

Hilang empat jari dan satu ibu jari di sebelah tangan

50%

Hilang empat jari

40%

Hilang ibu jari

Di kedua-dua ruas

25%

Sebelah ruas

10%

Hilang jari telunjuk

Di tiga ruas

10%

Di kedua-dua ruas

8%

Satu ruas

4%

Hilang jari tengah

Di tiga ruas

6%

Di kedua-dua ruas

4%

Satu ruas

2%

Hilang jari manis

Di tiga ruas

5%

Di kedua-dua ruas

4%

Satu ruas

2%

Hilang jari telunjuk

Di tiga ruas

4%

Di kedua-dua ruas

3%

Satu ruas

2%

Hilang Metakarpus

Pertama atau kedua (tambahan)

3%

Ketiga, keempat dan kelima (tambahan)

2%

Hilang jari kaki

Kesemua ruas

15%

Ibu jari, pada kedua-dua ruas

5%

Ibu jari, satu ruas

2%

selain ibu jari, jika lebih satu jan, setiap satu

1%

Hilang Pendengaran

Pada kedua-dua belah telinga

75%

Pada sebelah telinga

15%

Hilang Upaya Bertutur

50%

Sekiranya sebarang **Kecederaan Badan** tidak dinyatakan secara terperinci, **Kami** berhak untuk menggunakan peratusan kehilangan upaya yang pada pendapatnya tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan dalam Jadual Manfaat.

“Kehilangan” anggota badan, atau ahli, atau sebahagiannya hendaklah bermakna kehilangan oleh pemisahan fizikal sebenar atau **Kehilangan Kegunaan** upaya penuh dan kekal.

Kehilang Kegunaan anggotan badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100%. Sekiranya sejumlah 100% telah pun dibayar, semua perlindungan Takaful di bawah ini akan tamat berkuatkuasa secara serta-merta. Bayaran untuk semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika sudah dibuat akan mengurangkan perlindungan di bawah Faedah A sebanyak jumlah tersebut dari tarikh kemalangan sehingga tamat Sijil.

Manfaat Tambahan (sekiranya ada)

Manfaat B1 – Hilang Upaya Keseluruhan Sementara

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Hilang Upaya Keseluruhan Sementara**, **Kami** akan membayar pampasan mingguan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** bagi setiap minggu atau sebahagian daripada minggu yang **Orang Yang Dilindungi** kekal berada dalam keadaan **Hilang Upaya Keseluruhan Sementara**.

Manfaat B2 – Hilang Upaya Sebahagian Sementara

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Hilang Upaya Sebahagian Sementara**, **Kami** akan membayar sejumlah amaun pampasan mingguan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** bagi setiap minggu **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Hilang Upaya Sebahagian Sementara**

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam **Jadual Sijil**, pampasan di bawah manfaat B1 atau B2 sama ada dibayar secara berasingan atau dibayar secara bersama sehingga tempoh maksimum 104 minggu bagi setiap kejadian kemalangan.

Manfaat B1 dan B2 akan tamat sekiranya hilang upaya sebahagian sementara menjadi **Hilang Upaya Kekal**.

Manfaat C – Manfaat Pendapatan Harian Hospital Akibat Kemalangan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan terpaksa di rawat di dalam **Hospital** sebagai pesakit berdaftar, **Kami** akan membayar sejumlah pampasan harian seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** bagi setiap hari kemasukan **Orang Yang Dilindungi** di **Hospital**

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam **Jadual Sijil**, jumlah bayaran maksimum bagi Manfaat C bagi setiap **Kemalangan** adalah sehingga 30 hari.

Manfaat D – Elaun Perjalanan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan terpaksa di rawat di dalam **Hospital** sebagai pesakit berdaftar, **Kami** akan membayar kepada ahli keluarga terdekat **Orang Yang Dilindungi** jumlah harian yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** sebagai elaun perjalanan untuk perjalanan ke dan dari **Hospital** untuk setiap hari **Orang Yang Dilindungi** berada di dalam **Hospital**.

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam **Jadual Sijil**, jumlah bayaran maksimum bagi Manfaat D bagi setiap **Kemalangan** adalah RM1,000.

Manfaat E – Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dan memerlukan perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang wajar dilakukan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut dari tarikh berlakunya **Kemalangan**, **Kami** akan membayar semula jumlah perbelanjaan yang diperlukan bagi setiap rawatan bagi setiap **Kemalangan** sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

Segala perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang munasabah akan dibayar oleh **Orang Yang Dilindungi** kepada doktor gigi, Pakar Bedah atau Hospital untuk merawat **Kecederaan Badan** tetapi tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan jika rawatan tersebut dijalankan bagi merawat kecederaan yang dialami oleh gigi yang asal, sihat dan tiada masalah pergigian.

Manfaat F – Bayaran Ambulans

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan**, dan memerlukan penggunaan perkhidmatan ambulans, **Kami** akan membayar semula bayaran ambulans mengikut kos asal dan munasabah kepada **Orang Yang Dilindungi** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** sebagai pengangkutan ke **Hospital**.

Manfaat G – Perbelanjaan Pengebumian

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut dan menyebabkan kematian, **Kami** akan membayar sejumlah nilai pampasan sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

Manfaat H – Perbelanjaan Penghantaran Pulang

Sekiranya **Orang Yang Dilindungi** mengalami **Kecederaan Badan** dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut, **Kami** akan membayar semula nilai yang sebenar dan wajar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** bagi perbelanjaan penghantaran pulang mayat atau jenazah **Orang Yang Dilindungi** dari luar negara atau tempat kematian dalam Malaysia ke kampung halaman atau tempat asal mereka di Malaysia.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

1. Kehilangan

Andaian bahawa kematian telah berlaku akan dibuat sekiranya Orang Yang Dilindungi telah hilang selama dua belas (12) bulan berturut-turut dan Pengendali Takaful telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh kemalangan yang dilindungi oleh Sijil ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh Pengendali Takaful bagi tuntutan sedemikian, Orang Yang Dilindungi ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada Pengendali Takaful.

2. Pendedahan

Jika akibat daripada kemalangan yang dilindungi oleh Sijil ini, Orang Yang Dilindungi tanpa dapat mengelaknya terdedah kepada unsur-unsur alam dan akibat pendedahan sedemikian mengalami sebarang kehilangan seperti yang ditetapkan dalam Sijil ini, maka kehilangan khusus sedemikian akan dilindungi tertakluk kepada peraturan-peraturan Sijil ini.

3. Had Setiap Kenderaan (Limit Per Conveyance)

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam **Jadual Sijil**, pampasan yang perlu dibayar bagi Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal yang berlaku semasa **beberapa Orang Yang Dilindungi** dalam perjalanan di dalam kenderaan yang sama hendaklah terhad kepada maksimum RM2,500,000.00. Sekiranya agregat melebihi jumlah tersebut, **Kami** akan membayar tuntutan kepada **Orang Yang Dilindungi** secara berkadar.

PENGEUALIAN

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:-

1. Penglibatan atau penyertaan **Orang Yang Dilindungi** dalam:-
 - a. Perkhidmatan atau operasi angkatan tentera darat, laut atau udara;
 - b. Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
 - c. Memanjat permukaan batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, meneroka gua, meluncur udara, terjun bungee, payung terjun atau sebarang jenis perlumbaan melainkan yang menggunakan kaki;
 - d. Memandu pesawat atau sebarang kegiatan udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen yang dikendalikan oleh syarikat pengangkutan udara komersil atau syarikat sewa khas yang diiktiraf (perkataan "penumpang" tidak termasuk mana-mana kakitangan pesawat atau juruteknik yang bertugas di dalam atau sedang membaiki pesawat);
 - e. Perbuatan jenayah atau sebarang kegiatan haram.

2. Orang Yang Dilindungi dipengaruhi oleh dadah melainkan dadah tersebut diambil atas arahan seorang pengamal perubatan yang berkelayakan di sisi undang-undang dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cuba membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kehamilan, kelahiran anak , keguguran, digigit nyamuk, penyakit , kelemahan fizikal atau sebarang masalah mental
5. Masalah Kesihatan sedia ada
6. Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
7. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Masalah Berkaitan AIDS (ARC), tidak kira bagaimana ia disebabkan dan/atau sebarang mutasi, derivatif atau variasinya tidak kira bagaimana ia disebabkan dan rawatannya.
8. Penglibatan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
9. Radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
10. Peperangan, perang saudara - sama ada diisytiharkan atau tidak.
11. Sebarang perlakuan keganasan.
12. **Sekatan** – Kami tidak boleh disifatkan untuk memberi perlindungan atau akan membuat apa-apa bayaran atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atau faedah kepada mana-mana pihak atau kepada Orang Yang Dilindungi atau kepada pihak-pihak lain sehingga memberi anggapan bahawa perlindungan, bayaran, perkhidmatan, manfaat akan melanggar mana-mana undang-undang perdagangan atau sekatan ekonomi undang atau peraturan.
13. Sebarang aktiviti yang dilakukan dan bertentangan dengan Prinsip-prinsip Syariah.

SYARAT-SYARAT

Sijil ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian dalam Sijil atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

1. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada peraturan-peraturan Sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.

2. SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA

Sebagai syarat sebelum Pengendali Takaful menerima sebarang tanggungan Orang Yang Dilindungi dan setiap Orang Yang Dilindungi hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

3. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Takaful Pengguna - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk memberi perhatian yang sewajarnya agar tidak melakukan salah nyata semasa menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda perlu menjawab soalan secara sepenuhnya dan dengan tepat. Kegagalan untuk memberi perhatian sewajarnya semasa menjawab soalan boleh mengakibatkan kontrak takaful anda dielakkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga pada masa kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami. Di samping menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu berkenaan dengan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang diguna pakai dan sebarang perkara yang diketahui sebagai berkenaan oleh seorang yang waras dalam keadaan tersebut, jika tidak ia boleh mengakibatkan kontrak takaful anda dielakkan, tuntutan anda ditolak atau dikurangkan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga pada masa kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami, sebarang maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

4. PERTUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI

Orang Yang Dilindungi hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat peribadi yang diberikan terdahulu oleh Orang Yang Dilindungi seperti perubahan maklumat pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi dan membuat caruman tambahan sekiranya dikehendaki oleh **Kami**. Sebelum setiap pembaharuan Sijil dilakukan, **Orang Yang Dilindungi** mesti memberitahu Kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan fizikal **Orang Yang Dilindungi** sama ada secara sedar atau pun sedang atau telah mengalami.

5. PENGUBAHAN

Kami berhak untuk meminda mana-mana terma dan syarat Sijil ini dan sebarang perubahan kepada Sijil ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh Kami dan diendorskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, Kami akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir Orang Yang Dilindungi yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma Sijil.

6. HAD UMUR

Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Jadual Sijil, kelayakan umur **Orang Yang Dilindungi** untuk memenuhi syarat Sijil ini adalah daripada enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun dan ianya boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun. Semua peringkat umur merujuk kepada umur **Orang Yang Dilindungi** pada hari lahir berikutnya.

7. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini:-

- a. Notis bertulis yang menyatakan butir-butir kecederaan hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan sedemikian.
- b. Orang Yang Dilindungi hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar dengan secepat mungkin.
- c. Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Pengendali Takaful mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengendali

- Takaful.
- d. Orang Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pengendali Takaful.
 - e. Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Pengendali Takaful berhak untuk meminta pemeriksaan bedah-siasat dijalankan atas perbelanjaan Pengendali Takaful dan di mana boleh notis hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasaan yang akan diadakan.

8. LARANGAN PENYERAHAN HAK

Sijil ini tidak boleh diserahkan hak dan Pengendali Takaful tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang amanah, gadaian, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan Sijil ini. Sebarang resit atau pelepasan yang diberikan oleh **Orang Yang Dilindungi** atau wakil peribadi **Orang Yang Dilindungi** yang sah di sisi undang-undang kepada Pengendali Takaful bagi sebarang jumlah dilindungi atau pampasan di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan Pengendali Takaful terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kemungkinan (termasuk kematian) yang berlaku kepada **Orang Yang Dilindungi** akibat daripada kemalangan tersebut sama ada ia disebabkan sebelum atau selepas tarikh penerimaan resit atau pelepasan tersebut.

9. PEMBATALAN

Menerusi notis secara bertulis kepada Orang Yang Dilindungi melalui surat berdaftar yang dihantar ke alamat terakhirnya Pengendali Takaful boleh memberikan notis tujuh (7) hari mengenai hasratnya untuk menamatkan Sijil ini dan memulang semula sebahagian daripada Caruman bersamaan Tempoh Takaful yang belum lupus. Menerusi notis yang serupa kepada Pengendali Takaful, Orang Yang Dilindungi boleh pada bila-bila masa membatalkan Sijil ini, dan jika ini berlaku Pengendali Takaful akan menyimpan caruman dikira pada kadar jangka pendek bagi tempoh Sijil telah berkuatkuasa.

Berikut adalah skala kadar tempoh singkat yang akan digunakan :

Tempoh Kuat Kuasa Sijil	Peratusan Caruman Tahunan Yang Akan Dikenakan
2 bulan (minima)	40%
3 bulan	50%
4 bulan	60%
5 bulan	70%
6 bulan	75%
Melebihi 6 bulan	100%

10. NILAI MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

- a) Segala pembayaran yang dibuat hendaklah dalam nilai mata wang Ringgit Malaysia (**RM**)
- b) Semua caruman yang dibuat adalah dalam nilai mata wang Ringgit Malaysia (**RM**)
- c) Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke dalam Hospital dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia serta bil rawatan tersebut bukanlah dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**), pihak **Kami** akan mengganti rugi bayaran perubatan tersebut dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**) berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing (Kadar pertukaran terbuka sekiranya di pasaran bebas, dan pada kadar pertukaran rasmi sekiranya bukan dalam pasaran bebas) pada tarikh **Orang Yang Dilindungi** dikeluarkan dari **Hospital**.

11. PROSIDING UNDANG-UNDANG

Tindakan undang-undang atau kesaksamaan tidak boleh diambil untuk tuntutan di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis mengenai kehilangan telah diberikan mengikut keperluan Sijil ini. Tindakan sedemikian tidak boleh diambil setelah tamat tempoh satu tahun selepas bukti bertulis kehilangan perlu diserahkan.

12. PENIMBANG TARA

Segala percanggahan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara

masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh Pengendali Takaful terhadap sebarang tuntutan di bawah Sijil ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

13. JAMINAN CARUMAN

Adalah menjadi syarat khas asasi dan mutlak kepada kontrak Takaful ini bahawa caruman yang perlu dibuat mesti dijelaskan dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasanya Sijil/Pengendorsan/ Sijil Pembaharuan ini. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful berhak untuk mengenakan caruman secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana caruman yang perlu dibuat di bawah waranti ini diterima oleh ejen Pengendali Takaful yang bertauliah, caruman tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan caruman yang perlu dibuat telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak bertauliah untuk menerima caruman tersebut, terletak pada pihak Pengendali Takaful. Tertakluk selain ini kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Sijil ini.

14. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Jika :

- (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang Anda berikan, sebelum kontrak Takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- (b) sebelum kontrak Takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Anda gagal mendedahkan apa-apa fakta yang Anda ketahui yang berkaitan dengan keputusan Kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut maka dalam mana-mana hal di atas, Sijil ini adalah batal.

15. TEMPOH BERTENANG

Sekiranya Sijil ini telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab dan alasan yang Anda telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan perlindungan di bawah Sijil ini, Anda hendaklah mengembalikan Sijil ini kepada Kami untuk tujuan pembatalan dengan syarat permohonan pembatalan ini dihantar oleh Anda sendiri kepada Kami dalam tempoh masa lima belas (15) hari dari tarikh penyerahan Sijil. Anda akan menerima pulangan penuh caruman yang dibuat dengan syarat tiada tuntutan dibuat ke atas Sijil ini. Sekiranya berlaku sebarang tuntutan yang telah dibuat, tiada pemulangan balik caruman akan dijelaskan.

16. PERUNTUKAN CUKAI

Semua Caruman di bawah Sijil ini tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada **Anda** sebagai tambahan kepada Caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di bawah Sijil ini.

Cukai bermaksud sebarang cukai, levi, atau kewajipan langsung atau tidak langsung, yang termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh pihak kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

17. PERKONGSIAN LEBIHAN

Kami akan menguruskan caruman Takaful peserta dengan menggunakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah Model Wakalah, dan seterusnya untuk meletakkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Am (GRIA). Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama sijil dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan, terdapat lebihan bersih di dalam GRIA, lebihan bersih akan dikongsi 50:50 di antara peserta dan Pengendali Takaful dibawah kontrak Hibah.

Semua peserta runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk satu (1) tahun tempoh

Takaful dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua peserta korporat yang tidak membuat tuntutan melebihi 30% dari jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan, Sijil dan Caruman mestilah untuk satu (1) tahun tempoh Takaful dan telah tamat tempoh pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan oleh Aktuari yang dilantik oleh Kami dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

18. PENGURUSAN CARUMAN JUMLAH KECIL

Untuk apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Anda yang nilainya kurang daripada nilai Pengurusan Jumlah Caruman Kecil, Kami akan mendermakan sejumlah wang tersebut untuk tujuan amal yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Walau bagaimanapun, jika Anda memutuskan sebaliknya, Anda dikehendaki untuk mengemukakan permintaan rasmi kepada pihak Kami. Nilai Pengurusan Jumlah Caruman Kecil perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Syariah Kami.

19. PENAMAAN

Manfaat takaful adalah diserahkan kepada penerima yang dimaksudkan (benefisiari) melalui kontrak Hibah Bersyarat yang boleh dibatalkan dan hanya akan berkuatkuasa selepas kematian Peserta dan ia selesai selepas penerima Hibah mengakui menerima Hibah. Hibah Bersyarat hendaklah disediakan oleh Peserta yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, di mana penama akan menerima manfaat sebagai penerima Hibah (benefisiari) dan takaful di bawah kontrak ini akan dikecualikan dari undang-undang warisan yang terpakai.

Peserta juga boleh melantik Wasi, yang merupakan pelaksana untuk menguruskan manfaat takaful. Oleh itu, Wasi bukan penerima manfaat takaful dan ia boleh dibatalkan dan hanya akan berkuatkuasa selepas kematian Peserta dan ia selesai selepas Wasi mengakui menerimanya. Pelantikan Wasi hendaklah disediakan oleh Peserta yang telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, di mana Wasi hendaklah mengagihkan manfaat takaful mengikut borang penamaan atau sebarang undang-undang yang berkaitan.

Pembayaran manfaat kematian akan dibuat mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

PENTING

Orang Yang Dilindungi hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan sekiranya terdapat sebarang kesalahan atau silap tafsiran di dalamnya, atau perlindungan yang diberikan tidak seperti yang diharapkan oleh **Orang Yang Dilindungi**, anda perlulah memaklumkan dengan segera kepada pihak Pengendali Takaful dan Sijil akan dikembalikan dengan serta merta.

TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL

Sila periksa Sijil Takaful untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan **Anda**.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Sijil, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan Sijil **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana Sijil dikeluarkan.

Sebagai Pengendali Takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan bahawa **Anda** juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Biro Pengantaraan Kewangan atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

Tatacara Membuat Aduan Kepada Biro Pengantaraan Kewangan

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Pengendali Takaful, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan pihak Pengantara dalam masa 14 (empat belas) hari.

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh menghubungi pihak Pengendali Takaful di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City
59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2109 6000

Faks : 03-2109 6888

Laman Web : www.zurich.com.my

Emel : CallCentre@zurich.com.my

Anda boleh menghubungi Biro Pengantaraan Kewangan di:

Biro Pengantaraan Kewangan

Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2272 2811

Faks : 03-2274 5752

Emel : enquiry@fmb.org.my

Tatacara Membuat Aduan Kepada Pusat Khidmat Panggilan

Sebagai pilihan, **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Anda** mengenai tindakan Pengendali Takaful dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir sijil anda kepada:

Contact Centre (BNMTELELINK)

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia,
P.O. Box 10922,
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Overseas: +603-2174 1717)
Faks: 03-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Zurich General Takaful Malaysia Berhad (1260157-U)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



Borang Takaful Tuntutan Kemalangan Diri

NO. AGENSI _____ NO. TUNTUTAN _____

Nota: Pengeluaran borang ini bukan pengakuan tanggungan oleh Pengendali Takaful. Sekiranya Pembuat Tuntutan tidak dapat mengisi borang ini sendiri, ia boleh diisikan bagi pihaknya. Borang ini mestilah diisi dengan lengkap, dengan memberikan butir-butir penuh sebarang kejadian yang menjadi asas bagi tuntutan yang dibuat dan dikembalikan kepada Pengendali Takaful di pejabat Pengendali Takaful yang mengeluarkan Sijil dengan secepat mungkin, namun dalam apa pun kes hendaklah dalam masa empat betas hari dari tarikh kemalangan berlaku.

1. a) Nama Penuh
Pembuat Tuntutan _____

b) No. K/P (Baru) _____ (Lama) _____

c) Alamat

d) No Tel _____

e) Perniagaan atau Pekerjaan Semasa:

f) Tarikh Lahir _____

g) No. Sijil _____ Tempoh Takaful: Dari _____ Hingga _____

2. a) Name Majikan _____

b) Alamat

c) No Tel _____

3. a) Tarikh Kemalangan _____ Masa _____ Pg/ptg/mlm

b) Tempat Kemalangan _____

4. a) Sila nyatakan secara terperinci bagaimana kemalangan berlaku dan apa yang anda sedang lakukan pada ketika itu.

b) Jika kemalangan melibatkan orang (orang-orang) atau kenderaan (kenderaan-kenderaan) lain, sila nyatakan nama dan alamat orang (orang-orang) dan/atau Nombor Pendaftaran kenderaan tersebut.

5. Sila nyatakan dengan tepat kecederaan yang anda alami.

6. Sila berikan nama dan alamat mana-mana orang yang menyaksikan kemalangan tersebut.

7 a) Sila berikan nama dan alamat Pengamal Perubatan yang merawat anda selepas kemalangan.

b) Adakah beliau Pengamal Perubatan yang biasa merawat anda? Jika tidak, sila nyatakan sebab mengapa anda mendapatkan rawatan daripadanya.

8 Sila nyatakan sama ada anda berhak untuk mendapat pampasan daripada sumber lain bagi kemalangan ini. Jika ya, sila nyatakan nama syarikat serta jumlahnya.

9 a) Pernahkah anda terlibat dalam kemalangan sebelum ini? Jika ya, sila berikan butir-butirnya.

b) Pernahkah anda membuat tuntutan untuk pampasan bagi kecederaan akibat kemalangan daripada mana-mana Syarikat Insurans / Pengendali Takaful? Jika ya, sila nyatakan nama Syarikat Insurans / Pengendali Takaful dan jumlah pampasan.

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa saya telah mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat Sijil dalam setiap hal dan bahawa saya tidak pernah mengelak daripada melaksanakan pekerjaan biasa saya, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, lebih lama daripada yang benar-benar diperlukan akibat kemalangan tersebut, dan bahawa kemalangan tersebut adalah punca tunggal kehilangan upaya saya.

Saya dengan ini menjamin kebenaran kenyataan-kenyataan dan butir-butir yang diberikan di atas dalam setiap hal dan saya bersetuju bahawa sekiranya saya telah atau mungkin membuat, dalam sebarang pengakuan selanjutnya yang diperlukan oleh pegawai Pengendali Takaful daripada saya berkaitan tuntutan tersebut, sebarang kenyataan palsu atau penipuan, atau menyembunyikan sebarang fakta penting.

Pengendali Takaful akan menetapkan Sijil sebagai tidak sah dan hak saya untuk mendapat pampasan akan terbatal, dan saya bersedia pada bila-bila masa dikehendaki oleh pegawai Pengendali Takaful untuk membuat perakuan berkanun mengenai kebenaran segala kenyataan yang diberikan di atas, dan mengenai sebarang butir lain yang mungkin diperlukan oleh pegawai Pengendali Takaful.

Tarikh _____

Tandatangan Pembuat Tuntutan _____

PERINGATAN - SILA MINTA PENGAMAL PERUBATAN ANDA MENGISI SIJIL PERUBATAN SYARIKAT YANG DILAMPIRKAN KEPADA BORANG INI.

Personal Accident Claim Takaful Form

AGENCY NO. _____ CLAIM NO. _____

Note: The issue of this form is not an admission of liability by the Takaful Operator. If the claimant is unable to fill up this form personally it may be filled up on behalf of the Claimant. This form must be completed giving full particulars of any event in respect of which a claim is to be made and return to the Takaful Operator at the office of the Takaful Operator at which the certificate is issued as soon as possible, but in any case within fourteen days after the occurrence of the accident.

1. a) Name of Claimant in full _____
b) NRIC No. (New) _____ (Old) _____
c) Address _____
d) Tel No. _____
e) Present Business or Occupation: _____
f) Date of birth _____
g) Certificate No. _____ Period of Takaful From _____ To _____
2. a) Name of Employer _____
b) Address _____
c) Tel No. _____
3. a) Date of Accident _____ Time _____ AM/PM
b) Place of Accident _____
4. a) Please state in details how the accident occurred and what were you doing at the time.

b) If accident involved other person(s) or motor vehicle(s), please state the name and address of the person(s) and/or the Registration Number of the vehicle.

5. Please state precisely the injuries that you have sustained.

6. Please given name and address of any persons who witnessed the accident.

7 a) Please give name and address of Medical Practitioner who attended you after the accident.

b) Is he your usual Medical Attendant? If not, please state reason why he was consulted.

8 Please state whether you are entitled to compensation from any other source in respect of this accident. If so, please state the name of the company and the amount.

9 a) Have you ever met with an accident? If so, please give particulars.

b) Have you ever made a claim for compensation in respect of accident injury from any Insurance Company / Takaful Operator? If so please state the name of Insurance Company / Takaful Operator and the amount of compensation.

I hereby declare that I have compiled in every respect with the terms and conditions of the Certificate and that I have not abstained from my usual occupation, either entirely or partially longer than absolutely necessary in consequence of the said accident, and that such accident is the sole cause of my disablement.

I do hereby warrant the truth of the foregoing statements and particulars in every respect, and I agree that if I have made, or in any further declaration the officers of the Takaful Operator may require of me in respect of the said claim shall make, any false or fraudulent statement or any concealment of material fact, the Certificate shall be void as against the Takaful Operator and my right to compensation absolutely forfeited, and I am willing, whenever required by the officers of the Takaful Operator, to make a statutory declaration of the truth of all the foregoing statements, and of such other particulars as may be required by the officers of the Takaful Operator.

Date _____

Signature of claim _____

N.B. - PLEASE HAVE YOUR MEDICAL ATTENDANT COMPLETE THE COMPANY'S MEDICAL CERTIFICATE ATTACHED TO THIS FORM.

NOMINATION FORM
(FOR HALO TELCO SUBSCRIBERS)

Name of Insured Person : _____

Nationality : _____

NRIC/Passport No. : _____

Pursuant to Section 129 and Para 5 of Schedule 9 of Financial Services Act 2013, Malaysia, nominee(s) should be spouse, child or parent(s). If there is no spouse or child at the time of making the nomination, the nominee is his parent. A nominee of a Muslim insured person upon receipt of policy money shall distribute the policy money in accordance with the Shariah Laws.

I, the above mentioned named hereby nominate the following as nominee(s) to receive my insurance monies in the event of my death:

1. Name of Nominee : _____
- Sex : _____
- NRIC/Passport No. : _____
- Date of Birth : _____
- Nationality : _____
- Relationship to Insured Person : _____
- Share (%) : _____
- Address : _____

2. Name of Nominee : _____
Sex : _____
NRIC/Passport No. : _____
Date of Birth : _____
Nationality : _____
Relationship to Insured Person : _____
Share (%) : _____
Address : _____

This nomination is made on _____ day of _____ Year _____

Signature of Insured Person
Name:
NRIC/Passport No.:
Date:

Signature of Witness
Name:
NRIC/Passport No.:
Date:

The witness must be sound of mind, attained the age of eighteen (18) and cannot be the named nominee.